

RĀTIB AL- ĀṬṬAS: BIOGRAPHY OF THE COMPILER AND ANALYSIS OF HIS ZIKIR

RĀTIB AL- ĀṬṬAS: BIOGRAFI PENYUSUN DAN ANALISA SANDARAN ZIKIR-ZIKIRNYA

¹ Mohd Shafiq Sahimi & ² Norazlina Zakaria

¹ Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS)

² Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Kerja dan Dasar Sosial, College of Arts, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Abstract

This article is based on research findings on Rātib al- Āṭṭas and the corresponding ‘dhikir’ included with it. Behind the glory of Rātib al- Āṭṭas, there are several groups or individuals who questioned the ‘dhikir’ practices like ‘tahlil’, ‘ratib’ and ‘hizb’ as ‘bidaah’ and is compulsory to abstain. The research objective is to identify the pedigree of the compiler of Rātib al- Āṭṭas as well as to analyze the origin of ‘dhikir’ in Rātib al- Āṭṭas. Qualitative analysis was used as the methodology through analysis of documents, observation and tahqiq manuscript methodology in Islamic studies tradition. The research finding showed that the compiler, namely Habib ‘Umar bin ‘Abdul Rahman Al- Āṭṭas with his decendant who was also the founder of ‘tarekat’ ‘Alāwīyyah. Rātib al- Āṭṭas. Rātib al- Āṭṭas that was compiled by him, is a ‘dhikir’ which is based on al-Quran and Sunnah, with the recitation quoted directly or indirectly.

Keywords: Tasawwuf, tarekat, zikir, ‘Alawīyyah, Rātib al- Āṭṭas

Abstrak

Artikel ini merupakan hasil kajian berkaitan Rātib al- Āṭṭas dan sandaran-sandaran zikir yang terdapat di dalamnya. Di sebalik kemasyhuran Rātib al- Āṭṭas ini, terdapat sesetengah kumpulan atau individu yang mempertikaikan amalan-amalan zikir seperti tahlil, ratib dan hizb sebagai bidaah dan wajib dijauhi. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti susur galur keturunan penyusun ratib ini serta menganalisa sandaran-sandaran zikir dalam Rātib al- Āṭṭas. Metodologi kajian kualitatif digunakan melalui kaedah analisis dokumen dan pemerhatian serta metodologi tahqiq manuskrip dalam tradisi pengajian Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penyusun ratib iaitu Habib ‘Umar bin ‘Abdul Rahman Al- Āṭṭas bersambung nasabnya dengan pengasas tarekat ‘Alāwīyyah. Rātib al- Āṭṭas yang disusun oleh beliau, adalah zikir yang berpaksikan kepada al-Quran dan Sunnah, dengan lafaznya sama ada diambil secara langsung atau tidak langsung.

Kata kunci: Tasawwuf, tarekat, zikir, ‘Alawīyyah, Rātib al- Āṭṭas.

Penulis Utama:

Mohd Shafiq Sahimi

Universiti Islam
Antarabangsa Sultan Abdul
Halim Muadzam Shah
(UniSHAMS)

E-mel:

sayangislam2@yahoo.com

PENDAHULUAN

Ratib berasal daripada perkataan Arab (رَتَّبَ *rattaba*) bererti mengatitkan atau menyusun. Ratib adalah sesuatu yang tersusun, teratur dengan rapinya.¹ Ratib juga bermaksud susunan zikir tertentu dan diasaskan oleh tokoh-tokoh tertentu. Ratib atau zikir merupakan elemen terpenting dalam satu-satu tarekat, bahkan antara pembeza satu tarekat dengan yang lainnya adalah susunan-susunan zikir yang digunakan. Contohnya, dalam tarekat *'Alawīyyah, Rātīb al- 'Aṭṭas* digunakan sebagai salah satu zikir utama kepada pengikut tarekat *'Alawīyyah*. Amalan dan wirid-wirid dalam tarekat *'Alawīyyah* atau nama lainnya *Bā' alawī*, adalah sangat luas dan mempunyai kepelbagaian, antaranya adalah *Hizb al-Sakrān, Ratīb al-Shahir, Wirid al-Latīf, Rātīb al- 'Aṭṭas* dan lain-lain. *Rātīb al-Ḥaddād* dan *Ratīb al- 'Aṭṭas* merupakan wirid yang paling masyhur diamalkan di negara Malaysia sama ada dalam kalangan pengikut atau masyarakat umum. Ratib tersebut diamalkan secara meluas di Malaysia sehingga memberi impak dan pengaruh yang besar terhadap perkembangan dakwah dan pembinaan akhlak dalam kalangan masyarakat setempat.

Kebelakangan ini, amalan *Rātīb al- 'Aṭṭas* semakin mendapat tempat di hati masyarakat Islam dalam melestarikan tarbiah kejiwaan masyarakat setempat. Ia dibuktikan dengan penganjuran majlis tarekat seumpama itu semakin berkembang positif di madrasah, masjid, surau, rumah kediaman terpilih dan lain-lain lokasi yang sesuai bagi tujuan yang sama. Amalan ini secara praktikalnya dilaksanakan sama ada secara bersendirian atau secara berjemaah tanpa dibatasi waktu tertentu, dan kebiasaannya dilakukan pada waktu malam. Amalan ratib juga merupakan satu proses mendidik kerohanian individu atau jama'ah secara informal bagi tujuan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T dan memperolehi kesejahteraan serta keselamatan luaran dan dalaman, dunia dan akhirat.

Apabila menyorot literatur tentang *Ratīb al- 'Aṭṭas*, terdapat artikel mengenai *Rātīb al- 'Aṭṭas* menurut Perspektif Al-Quran dan al-Sunnah, kajian yang dilaksanakan oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Teknologi Malaysia menjelaskan mengenai penilaian terhadap sumber zikir 17 *Rātīb al- 'Aṭṭas* berdasarkan sumber zikir dan pandangan ulama terhadap maksud dan tujuan zikir tersebut. Amalan majlis *Rātīb al- 'Aṭṭas* ini telah dipraktikkan lebih 90 tahun dahulu di Negeri Johor. Tambahan pula, kaedah amalan ratib tersebut turut diberikan penilaian dan justifikasi dari perspektif amalan Islam. Manakala, artikel berjudul "Prinsip, Adab dan Amalan *Rātīb al- 'Aṭṭas* Dalam tarekat *Ālāwīyyah*: Suatu Sorotan Ringkas" pula menghuraikan latar belakang tarekat *Ālāwīyyah*, prinsip-prinsip, doktrin amalan *Rātīb al- 'Aṭṭas* dan adab-adab semasa beratib yang diamalkan oleh para pembimbing dan pengamal ratib tersebut.

Selain itu, Dr Azman Mohsin dalam kajiannya "*Rātīb al- 'Aṭṭas* Dalam tarekat *Ālāwīyyah*: Amalan Di Masjid Habib Hasan Johor Bahru. Telah menumpukan kepada penelitian terhadap latar belakang, tokoh, prinsip, doktrin, dan faedah majlis *Rātīb al- 'Aṭṭas* dalam tarekat *Ālāwīyyah* di Masjid Habib Hasan, Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim. *Rātīb al- 'Aṭṭas* telah diamalkan secara berjema'ah pada setiap hari Isnin di masjid tersebut sejak 90 tahun lalu dan semakin berkembang di masjid negeri Johor sehingga kini. Objektif kajian beliau ialah untuk mendalami dan memahami faktor pendorong kehadiran para naqib dan pengamal, persepsi, bentuk amalan, dan faedah yang diperolehi. Kajian tersebut juga bertujuan untuk membangunkan model majlis *Rātīb al- 'Aṭṭas*.

Berdasarkan beberapa kajian ilmiah yang telah dinyatakan di atas, jelas menunjukkan bahawa *Rātīb al- 'Aṭṭas* mempunyai kepentingan dalam memberi sumbangan yang besar kepada dunia Islam sehingga menarik minat ramai ulama, cendekiawan dan pengkaji untuk membincangkan serta menghuraikan dengan lebih mendalam berkaitan *Rātīb al- 'Aṭṭas*.

¹ Abū Naṣr Ismā'īl bin Hamād al-Jaūharī al-Fārābī. *al-Ṣiḥāḥ Tāj al-Lughah Wa Ṣiḥāḥ al- 'Arabīyyah*. (Baīrūt: Dār 'Ilm, 1987). 133.

Manakala dari sudut pengamalan pula, Rātib al- Aṭṭas mengandungi pelbagai faedah dan kelebihan sebagaimana yang telah disebutkan di dalam kitab karya Habib Ali bin Hassan al-Aṭṭas yang bertajuk al-Qirtās Sharah Ratib al- Aṭṭas. Kitab ini merupakan salah satu kitab utama yang mensyarahkan Rātib al- Aṭṭas dengan mengemukakan faedah, kelebihan dan huraian setiap zikir yang terdapat dalam Rātib al- Aṭṭas. Kitab tersebut turut menerangkan kaedah pengamalan Rātib al- Aṭṭas yang perlu dilakukan dengan penuh tertib dan mengikut prinsip tertentu, agar natijah daripada majlis zikir itu dapat dirasai dan diterjemahkan ke dalam kehidupan.

MASALAH, OBJEKTIF DAN METODOLOGI KAJIAN

Di sebalik kemasyhuran Rātib al- Aṭṭas ini, terdapat sesetengah kumpulan atau individu yang mempertikaikan amalan-amalan zikir seperti tahlil, ratib dan hizb sebagai bidaah dan wajib di jauhi. Bahkan, pemikiran ini mula mempengaruhi kehidupan masyarakat sehingga menyebabkan sebahagian ahli masyarakat menjadi penentang kepada pengamalan zikir. Mereka juga menganggap ratib dan wirid sebagai amalan-amalan aneh dan janggal dalam pengamalan ibadat seharian. Malahan, ada sebahagian daripada mereka menjadi kelompok radikal yang menganggap segala ratib dan zikir sebagai bidaah serta termasuk dalam kategori syirik Akbar, sehingga ia boleh menjurus kepada hukuman bunuh bagi para pengamalnya. : Bahkan terdapat satu fatwa yang dinukilkan didalam sebuah kitab bertajuk Nūr‘Alā al-darb oleh Sheikh ‘dinyatakan dalam lampiran tersebut pada menjawab soalan penanya tentang satu ratib yang dimulakan dengan fatihah dan diikuti dengan zikir-zikir lain lalu dijawab : “ratib-ratib seperti ini tidak sunyi daripada khurafat dan bidaah, ia tidak boleh dijadikan wirid, bahkan bagi seorang mukmin hendaklah berpegang dengan hadis-hadis nabi SAW yang sahih” . Turut dinyatakan di dalam perkara tersebut “ia adalah perkara yang direka menghadahkan fatihah kepada fulan bin fulan”. Terdapat juga tuduhan dan tohmahan kesesatan Rātib al- Aṭṭas daripada seorang pendakwah yang menyatakan tentang penyimpangan Amalan Rātib al- Aṭṭas daripada landasan Quran dan Sunnah seperti yang di bahaskan oleh Dr. Abdullah Yasin. Dengan membawa penghujahan segala fadhilat Rātib al- Aṭṭas itu adalah tiada sandaran.

Berdasarkan beberapa masalah tersebut, pengkaji merasa terpenggil untuk membuat kajian dengan objektif untuk megenalpasti susur galur keturunan penyusun ratib ini serta menganalisa sandaran-sandaran zikir dalam Rātib al- Aṭṭas, sama ada ia bertepatan atau tidak dengan al-Quran dan Hadis. Pengkaji menggunakan metodologi kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan pemerhatian. Biografi penyusun zikir dikaji berdasarkan teks-teks primer berkaitan tarekat ‘Alawīyyah dan sandaran zikir pula dianalisa menggunakan metodologi tahqiq manuskrip dalam tradisi pengajian Islam.

BIOGRAFI PENYUSUN RATIB: HABIB 'UMAR BIN 'ABD AL-RAHMAN AL-AṬṬAS

Amalan Rātib al- Aṭṭas ini telah diperkenalkan oleh seorang Wali Qutb, Habib ‘Umar bin 'Abd al-Rahman al- Aṭṭas (wafat 1072H di Ḥuraydah, Ḥaḍramāut, Yaman). Beliau merupakan salah seorang daripada Sādat ‘Alāwīyyin, tarekat yang diasaskan oleh al-Faqīh al-Muqaddam Muḥammad bin ‘Alī Bā‘alawī (wafat 653H), yang menjalankan misi dakwah, perdagangan dan perkahwinan sejak awal tahun 1,400M di seluruh Nusantara khususnya di Indonesia, Brunei, Singapura dan Malaysia. Seiring dengan penyebaran dakwah Islamiyyat oleh para Sādat ‘Alāwīyyin telah menyebabkan tersebarnya amalan tariqat dan ratib di seluruh Nusantara.

Istilah Habib berasal daripada perkataan Bahasa Arab الحبيب yang bermaksud kasih atau sayang. Manakala الحبيب atau Habib pula membawa maksud orang yang dikasihi. Golongan yang digelar sebagai Habib yang kebanyakannya berasal dari Yaman hari ini dikatakan sebagai

keturunan Nabi SAW. Hal ini adalah sepertimana yang didakwa oleh para Habib sendiri dalam pelbagai bentuk penyampaian termasuklah kuliah-kuliah dan penulisan mereka.

Nama sebenar beliau adalah 'Umar bin 'Abd al-Raḥman bin 'Aqīl bin Sālim bin 'Ubaidullah bin 'Abd al-Raḥman bin 'Abdullah bin Sheikh al-Ghauts 'Abd al-Raḥman al-Saqāf bin Muḥammad Maulā al-Dawīlah bin 'Alī bin 'Alāwī al-Ghuyūr bin Sayyidinā al-Faqīh al-Muqaddam Muḥammad bin 'Alī bin Imam Muḥammad Ṣāhib Mirbāt bin 'Alī bin 'Alawī bin Muḥammad bin 'Alwī bin 'Ubaidillah bin Imam al-Muhājir Aḥmad bin 'Isā bin Muḥammad al-Naqīb bin Imam 'Alī al-'Urāidī bin Ja'afar bin Imam Muḥammad bin Imam 'Alī Zāin al-'Ābidīn bin Imam Ḥussīn bin Imam 'Alī 'Abi Ṭālib bin Bat al-Fāṭimah al-Zahrā' binti Rasulullah SAW. Beliau digelar sebagai al- 'Aṭṭas yang bermaksud "orang yang bersin". Sheikh al-Faqīh 'Abdullah bin 'Umar Bā'ubād berkata "beliau dinamakan al- 'Aṭṭas kerana beliau pernah bersin ketika masih berada dalam kandungan ibunya lagi" dan kenyataan ini disokong oleh Habib 'Alī bin Ḥassan al- 'Aṭṭas. Berdasarkan catatan sejarah, orang pertama yang bersin ketika masih berada di dalam perut ibunya ialah Habib 'Aqīl, namun kisah Habib 'Umar bin 'Abd al-Raḥman al- 'Aṭṭas lebih diketahui umum berbanding Habib 'Aqīl kerana hanya orang terdekat yang mengetahuinya. Sedangkan keturunan Sayyidinā 'Aqīl bin Sālim yang lain dikenali dengan nama keluarga 'Aqīl bin Sālim, tidak selain itu. Habib 'Alī bin Ḥassan pernah berkata:

"Pada setiap waktu mereka akan mendengar suara orang bersin dari perut ibunya, sebagaimana yang dijelaskan oleh isteriku, seorang wanita solehah". Manakala al-Sheikha binti Sahaeleel bin Abi Bakr bin Syaiban bin Aḥmad bin 'Ishāq turut berkata: "Pada suatu hari, sewaktu aku duduk bersama Sharīfah Fāṭimah bin Habib Muḥammad Basurah Bā'alawī, waktu itu aku sedang mengandung puteramu yang bernama al- Ḥassan yang pertama, aku terdengar dia bersin ketika masih dalam perutku. Aku dan Sharīfah Fāṭimah mendengarnya sendiri suara bersin itu dengan jelas, dan bayi tersebut dilahirkan pada tahun 1147H."

Beliau telah dilahirkan pada tahun 229H, di perkampungan al-Lisk, berhampiran dengan kawasan perkampungan Inat yang terletak di bahagian bawah negeri Ḥaḍramāut. Beliau dibesarkan dan dididik oleh ayahnya sendiri iaitu Habib 'Abd al-Raḥman bin 'Aqīl. Walaupun dirinya buta sejak kecil tetapi beliau memiliki kepintaran yang luar biasa serta dan hati yang terang. Oleh sebab itu, beliau mudah mengingat dan menghafal apa yang didengarinya termasuklah ayat-ayat suci al-Quran al-Karīm dan mukjizat Rasulullah SAW. Berdasarkan catatan, beliau pernah berkahwin sebanyak 13 kali dan sebahagiannya diceraikan. Melalui perkahwinannya beliau dikurniakan 14 orang zuriat iaitu sembilan lelaki dan lima perempuan, bersama lapan orang isterinya. Isteri-isteri yang mempunyai zuriat bersamanya: Sultānah bint 'Umar bin Rubā', 'Āliyah bint Rasām Āl 'Abdullah, Bint Mubārah bin Jamīl Bārās, Ruqayyah bint 'Alī Ba'Isā, Fāṭimah bint 'Abdullah al-Musāwā, Ḥabīshah Āl Ghānim, Fāṭimah bint 'Umar bin Sulaīmān dan wanita dari Ḥawṭah az-Zubdah. Isteri-isteri yang mempunyai zuriat bersamanya ialah Ṣolāḥah: dinikahnya ketika di Kota Ḥuraīdah, dua orang wanita dari suku Āl Bājābir dan seorang wanita dari Kota Manwan, di wilayah al-Kasr. 14 orang zuriat beliau ialah: anak lelakinya, Shaīkh Akbar (meninggal dunia ketika kecil), Syeikh Asghar (meninggal dunia ketika kecil), Mushaiyyakh (meninggal dunia ketika kecil), Muḥsin (meninggal dunia ketika kecil), 'Alī (meninggal dunia ketika kecil), Sālim, Ḥusīn, 'Abd al-Raḥman dan 'Abdullah. Anak perempuannya Shaīkhah, Alāwiyyah, Fāṭimah, 'Asma' dan Salmā.

Sejak kecil lagi, beliau sering menghadiri majlis ilmu dan dibimbing oleh para guru yang diperakui akan kehebatan ilmunya dan ini menimbulkan rasa cinta terhadap ilmu dalam dirinya. Disebabkan kegigihannya dalam menuntut ilmu, beliau telah diangkat sebagai tokoh ilmuwan yang disegani. Seterusnya, beliau turut menyebarkannya kepada masyarakat setempat serta menyampaikannya ke seluruh pelusuk dunia dan berpegang teguh dengan nasihat gurugurunya. Guru-gurunya adalah Al-Habib Ḥusīn bin Sheikh 'Abū Bakar bin Sālim, Habib Ḥāmid bin Sheikh 'Abū Bakar, Habib Muḥādir, Putra Saiyyidinā Sheikh 'Abū Bakar bin Sālim,

Habib ‘Abd al-Raḥman bin ‘Aqīl, Sheikh Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥman al-Hādī, Sayyid ‘Umar bin isa al-Samarqandī: beliau mempelajari ilmu talqin zikir pagi dan petang darinya .

Telah menjadi tradisi para ulama untuk mengembangkan perjuangan dakwah dan ilmu supaya ajaran Islam terus mekar dan subur di setiap pelusuk bumi. Ini merupakan salah satu faktor Habib ‘Umar mempunyai ramai pelajar yang telah meneruskan dakwah beliau. Antara muridnya ialah: Habib ‘Abdullah al-Ḥaddād: beliau pelajar yang paling akrab dengan Habib ‘Umar dan turut memperoleh bimbingan ilmu dan kerohanian secara langsung darinya. Beliau merupakan penyusun Rātīb al-Ḥaddād yang juga terkenal seperti Rātīb al- ‘Aṭṭas. Sheikh ‘Alī bin ‘Abdullah al-Bāras yang merupakan pembantu kanan kepada Habib ‘Umar. Anak-anak murid yang lain ialah Habib ‘Aḥmad bin Zein al-Ḥabshī, Sayyid ‘Aḥmad bin Hāshim, Sayyid ‘Isā bin Muḥammad al-Ḥabshī, Habib Ḥusīn bin ‘Umar al- ‘Aṭṭas iaitu puteranya, Habib Sālim bin ‘Umar al- ‘Aṭṭas iaitu puteranya, Sheikh ‘Umar bin ‘Abdul Qādir al-‘Amūdī serta ramai lagi.

Habib ‘Umar merupakan seorang tokoh yang sangat aktif berdakwah dalam menyampaikan ajaran Islam dan sentiasa melakukan amar makruf dan nahi mungkar. Beliau berdakwah ke kawasan kampung dan lembah untuk mendamaikan qabilah yang berseteru. Di samping itu, beliau turut membina pusat pendidikan, masjid khususnya di kawasan pedalaman yang jauh daripada ulama seperti di lembah ‘Amed, lembah Dau’an, lembah Kasr dan lembah Shitan. Beliau turut menyebarkan dakwah di Ḥuraīdah bagi memenuhi permintaan gurunya iaitu Sheikh Ḥusīn bin Sheikh ‘Abū Bakar bin Sālim bin Ḥāmid bin Sheikh ‘Abū Bakar. Ini kerana sifatnya yang mampu menarik minat masyarakat untuk mendalami ilmu yang disampaikan dan juga sebagai dakwah secara menyeluruh. Kesungguhan dakwah beliau dari satu kawasan ke kawasan yang lain terbukti melalui ungkapan beliau: “aku adalah seorang musafir yang sering berkelana dan tidak pernah menetap lama di satu tempat. Kerana itu kerap kali solat Jumaat tidak menjadi kewajipan ke atas ku”.

Ketika beliau hampir wafat, beliau meminta supaya para hadirin yang hadir berzikir menyebut nama Allah Taala dengan suara mereka dan mereka mendengar hembusan nafas kuat Habib ‘Umar, pada saat sakartul maut itu beliau meminta untuk diwudukkan seperti wuduk solat, lalu muridnya ‘Abbās bin ‘Abdullah Ba Ḥāfīz mewudukkannya. Beliau wafat pada malam Khamis tanggal 23 Rabiul Akhir 1072H di rumahnya, dan jenazahnya dibawa serta disemadikan di Ḥuraīdah.

Berdasarkan biografi ini, terserlah kecintaan Habib ‘Umar kepada Islam, maka amatlah mustahil untuk penyusun Rātīb al- ‘Aṭṭas ini untuk mengada-adakan sesuatu yang menyalahi syariat Islam. Beliau juga telah mengabdikan diri serta mengorbankan seluruh hayatnya pada jalan dakwah, maka mustahillah bagi beliau untuk tidak masuk akal untuk beliau memasukkan unsur-unsur syirik dalam susunan ratib tersebut sebagaimana dakwaan mereka yang menolak amalan ratib ini.

ANALISA SANDARAN ZIKIR-ZIKIR DALAM RĀTĪB AL- ‘AṬṬAS

Asas zikir yang terdapat dalam Rātīb al- ‘Aṭṭas yang telah disusun oleh Habib Umar bin Abdul Rahman Al-‘Attas ialah sebanyak 17 zikir. Meskipun begitu, di dalam naskah-naskah Rātīb al- ‘Aṭṭas moden, bacaan akan dimulakan dengan surah al-Fātīhāh dan 4 ayat terkahir surah al-Hasyr, barulah disusuli dengan bacaan zikir Rātīb al- ‘Aṭṭas dan diakhiri dengan dua ayat penutup surah al-Baqarah.

Berdasarkan dalil-dalil yang pengkaji analisa, pengkaji berpendapat bahawa lafaz zikir yang terdapat di dalam Rātīb al- ‘Aṭṭas tidak bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah bahkan ia lafaznya diambil daripada kalimah Al-Quran dan Hadis. Dalam ratib ini terkandung 17 zikir dan hanya tujuh daripadanya tidak diambil lafaznya secara langsung dari al-Quran dan Sunnah. Pengkaji membahagikan zikir ini kepada dua bahagian iaitu:

Pertama: zikir-zikir yang lafaz nya terdapat didalam al-Quran dan Sunnah:

- 1) أَعُوذُ بِاللَّهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
- 2) أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّمَا خَلَقَ
- 3) بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ
- 4) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
- 5) سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ. سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ
- 6) سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ
- 7) لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ
- 8) حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ
- 9) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

Kedua: zikir-zikir yang tidak terdapat bentuk lafaznya secara langsung didalam al-Quran dan Sunnah:

- 1) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ
- 2) بِسْمِ اللَّهِ تَحَصَّنَا بِاللَّهِ. بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْنَا بِاللَّهِ
- 3) بِسْمِ اللَّهِ آمَنَّا بِاللَّهِ. وَمَنْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ لَخَوْفٌ عَلَيْهِ
- 4) سُبْحَانَ اللَّهِ عَزَّ اللَّهُ. سُبْحَانَ اللَّهِ جَلَّ اللَّهُ
- 5) يَا لَطِيفًا بِخَلْقِهِ يَا عَلِيمًا بِخَلْقِهِ يَا خَبِيرًا بِخَلْقِهِ الْطُفَّ بِنَا يَا لَطِيفُ يَا عَلِيمُ يَا خَبِيرُ
- 6) يَا لَطِيفًا لَمْ يَزَلْ الْطُفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ إِنَّكَ لَطِيفٌ لَمْ تَزَلْ الْطُفَّ بِنَا وَالْمُسْلِمِينَ
- 7) اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَيْهِ وَسَلِّمْ
- 8) يَا اللَّهُ بِهَا يَا اللَّهُ بِهَا يَا اللَّهُ بِهَا يَا اللَّهُ بِحُسْنِ الْخَاتِمَةِ

Kelapan-lapan zikir ini merupakan lafaz zikir didalam Rātib al- 'Attas yang tidak diambil secara langsung lafaz kalimah dari al-Quran dan Sunnah. Pengkaji mendapati tiada sebarang larangan atau kesalahan untuk mengamalkan zikir-zikir yang tidak dinyatakan lafaznya didalam al-Quran dan Sunnah. Secara asasnya perkara yang dilarang ialah “mencipta ibadah baru” atau disebut "إنشاء العبادة" kerana asal bagi ritual ibadah ialah haram (الأصل في العبادة التوقيف) untuk dilakukan melainkan wujudnya nas seperti solat, bacaan solat, tawaf, al-Quran dan lain-lain. Maka mecipta sesuatu ibadah tanpa asas nas (syariat) adalah dikategorikan sebagai bidaah yang tercela.

Namun ia berbeza dengan permasalahan ini kerana zikir-zikir ini merupakan penambahan pada zikir-zikir yang sedia ada dan ia bersandarkan nas syarak. Menurut Imam Hassan al-Banna berpendapat wujudnya bidaah yang di namakan (بدعة إضافية) iaitu amalan yang berbeza bentuk dengan apa yang wārid tetapi masih bersandarkan syarak. Ini dapat di buktikan dengan beberapa dalil yang terdapat didalam al-Quran yang bermaksud:

“hanya milik Allah asma-ul husna, Maka bermohonlah kepada-Nya dengan menyebut asma-ul husna itu dan tinggalkanlah orang-orang yang menyimpang dari kebenaran dalam (menyebut) nama-nama-Nya. Nanti mereka akan mendapat Balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan”.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, berzdikirlah (dengan menyebut nama Allah), zikir yang sebanyak-banyaknya”.

Firman Allah SWT lagi yang bermaksud:

“Dan Tuhanmu berfirman: "Berdoalah kepada-Ku, niscaya akan Kuperkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembah-Ku akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina dina".

Ayat-ayat al-Quran ini secara umum memerintahkan untuk berdoa, berzikir dan memuji dengan nama-Nya tanpa di khususkan sebutan doanya. Maka perintah ini boleh diistinbatkan sebagai keharusan untuk berdoa kepada Allah Taala dalam pelbagai bentuk seperti zikir selahi tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Selain itu, terdapat juga hadis dan perbuatan para sahabat yang menambah zikir yang tidak diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW. sebagai contoh ketika baginda dan para sahabat sedang solat berjemaah, sampai kepada rukun i'tidāl , salah seorang sahabat yang menjadi makmum telah menambah bacaan zikir gubahannya sendiri. Setelah selesai solat baginda memujinya dan tidak melarang perbuatannya yang membawa maksud:

Pada satu hari kami solat bersama dengan baginda Nabi SAW, ketika baginda mengangkat kepalanya daripada rukuk dan berkata: “mendengar Allah taala siapa yang memujinya” telah membaca salah seorang di kalangan ma'mum dengan menambah:” ربنا ولك الحمد، حمداً كثيراً طيباً مباركاً فيه” ketika selesai solat, baginda bertanya siapakah yang membaca? (Bacaan lebih dari kebiasaan), lalu lelaki itu berkata: saya. Baginda mengatakan: “aku telah melihat lebih 30 malaikat berlumba-lumba untuk menulis zikir mu itu”

Dalil-dalil yang tersebut di atas merupakan dalil yang menyokong perbuatan penambahan lafaz zikir tersebut. Oleh yang demikian, zikir yang lafaznya tidak diambil secara langsung daripada al-Quran dan Hadis adalah tidak bercanggah dengan prinsip syarak bahkan ia dibenarkan. Walau bagaimanapun ia haruslah bertetapan dengan syarat yang telah digariskan. Ini bagi memastikan agar kesempurnaan zikir tersebut terpelihara daripada unsur-unsur penyelewengan. Syarat-syarat penerimaan penambahan lafaz zikir adalah hampir sama seperti syarat penerimaan qiraat iaitu:

- 1- Kandungan zikir perlu menggunakan bahasa Arab yang boleh difahami secara jelas maksud yang dibawa dan menggunakan kaedah tatabahasa yang tepat.
- 2- Memilki sandaran (sanad) yang jelas (mutawātir)
- 3- Menepati penulisan mushaf ūtsmānī.

Pengkaji ingin menambah, ia mesti jelas maksudnya tidak mengandungi unsur syirik dan pemujaan selain kepada Allah taala.

Justeru, daripada tahqīq yang dilakukan, pengkaji menganggap bahawa kandungan Rātīb al- Aṭṭas adalah selari dengan ajaran Islam dan tidak terkeluar daripada landasan al-Quran dan Sunnah. Dalil-dalil yang diutarakan di atas disokong oleh dalil-dalil al-Quran dan Sunnah serta disokong oleh maksud dan galakkan para ulama dan ahli sufi berdasarkan tajrubah mereka dalam amalan wirid dan zikir di samping dianugerahi wāridāt yang luar biasa daripada Allah SWT.

Rātīb al- Aṭṭas juga seperti amalan ratib lain yang terkenal serta diamalkan di seluruh pelusuk dunia, sebagai contoh Rātīb al-Ḥaddād, Rātīb as-Sakrān dan Rātīb al- 'Aīdrūs. Ia dibaca dengan kalimah Arab kerana ia lafaz zikirnya diambil daripada al-Quran dan Hadis. Ia

juga mengandungi pujian, doa serta munajat kepada Allah Taala. Ini jelas bahawa amalan ini tidak bercanggah dengan ajaran Islam dan sekaligus menolak tohmahan mengatakan amalan ini bidaah dan syirik. Walaubagaimanapun, meskipun amalan ratib ini merupakan himpunan zikir-zikir yang berlandaskan al-Quran dan Sunnah secara langsung atau tidak langsung, tidak dinafikan bahawa zikir yang ma'thūr daripada Rasulullah SAW merupakan zikir yang terbaik. Akan tetapi, ini tidak menolak zikir dan doa yang lain seperti yang di bincangkan oleh Imam Nawāwī yang menyatakan zikir itu ialah amalan muqayyad (yang terkait dengan peristiwa atau masa) atau mutlaq (yang bebas dibaca pada bila-bila masa).

Selain daripada sandaran yang jelas dalam al-Quran dan Hadis, daripada aspek sejarah, amalan ratib ini telah diamalkan lebih daripada 340 tahun dan bermula di Hadramaut. Kini ia telah tersebar hampir di seluruh negara Islam seperti Tanah Arab, Afrika dan Asia. Tidak terdapat ulama mahupun fatwa yang mewartakan amalan ini sebagai sesat sejak dahulu hingga kini serta tiada larangan ke atas pembacaannya. Walau bagaimanapun Sheikh bin Bāz mempunyai pandangan yang berbeza dalam isu ini. Beliau menyifatkan amalan ini tiada asas serta merupakan amalan khurafat dan bidaah. Sekiranya zikir ini bertentangan dengan ajaran al-Quran dan Sunnah pasti ia akan mendapat tentangan serta kritikan daripada tokoh-tokoh agamawan di Malaysia. Hanya segelintir sahaja yang mengkritik amalan ini hanya pada kelebihannya (fadhilat) dan bukan lafaznya. Oleh itu, jika kaedah “النادر كالمعدوم” digunakan dalam permasalahan ini. Ini bererti hal-hal yang terpencil ini ia seperti sesuatu yang tidak wujud dan tidak dimbil kira. Ini kerana kebanyakan ulama memuji serta menggalakkan amalan-amalan ini selagi tidak bertentangan dengan prinsip syariah Islam.

KESIMPULAN

Penyusun ratib iaitu Habib ‘Umar bin ‘Abdul Rahman Al- ‘Aṭṭas bersambung nasabnya dengan pengasas tarekat ‘Alāwiyyah. Sekiranya dilihat kepada latar belakang guru dan anak murid dari tarekat ini merupakan ilmuan atau pendakwah yang terkenal berfahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu aliran akidah Imam ‘Asyaari, kebanyakannya bermazhab Syafii dalam urusan fekahnya. Mereka menggunakan manhaj daripada tokoh-tokoh Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam hal tasawuf seperti Junaid Al-Baghdadi dan Imam Al-Ghazālī. Rātīb al- ‘Aṭṭas yang disusun oleh beliau, adalah zikir yang berpaksikan kepada al-Quran dan Sunnah sama ada lafaznya diambil secara langsung atau sebaliknya. Di samping itu ia tidak bercanggah dengan tujuan asalnya iaitu doa, memuji hanya Allah Taala serta selawat ke atas Rasulullah SAW.

Dapatan kajian ini diharapkan mampu menggalakkan masyarakat untuk lebih mencintai dan menghormati para ilmuan atau pendakwah dalam menyampaikan dakwah kerana tradisi amalan ini adalah menjunjung amalan-amalan yang diwariskan oleh orang-orang soleh terdahulu apatah lagi ia telah dipelopori oleh zuriat keturunan Rasulullah S.A.W. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi asas untuk mewartakan enakmen yang berkaitan dengan amalan kerohanian di setiap negeri. Di samping itu, amalan ini dapat di perkenalkan di sekolah-sekolah, pusat pemulihan akhlak, institusi-institusi swasta dan kerajaan. Semoga Rātīb al- ‘Aṭṭas akan dapat diamalkan oleh semua pihak dan institusi tanpa perlu diragui tentang kebenaran dan ketepatan isi kandungannya. Bahkan, ratib ini juga diharapkan dapat menjadi faktor pengukuhan ajaran dan amalan Ahl Sunnah Wal Jamaah dalam sebuah negeri dan negara.

Berdasarkan kajian ini juga, pengkaji mencadangkan agar pertubuhan tarekat menerbitkan sebuah naskah rasmi yang telah diselaraskan isi kandungan dan doa-doa agar berlaku keselarasan dalam pembacaan dan pengamalan. Hal ini supaya tidak timbul sebarang polemik dalam kalangan pengamal dan masyarakat. Selain itu, pertubuhan juga perlu menyiapkan kayu ukur yang jelas dalam melantik naqīb dalam Majlis Rātīb al- ‘Aṭṭas (MRA), khususnya pada aspek pengetahuan (ilmu) tentang akidah yang benar, syariat dan pengetahuan yang tepat berkenaan tarekat ‘Alāwiyyah (Rātīb al- ‘Aṭṭas). Selain itu, mereka juga mestilah

menganjurkan kursus-kursus atau latihan-latihan dalam mempersiapkan naqīb-naqīb yang bertauliah di setiap daerah dan kampung.

RUJUKAN

Al Quran Al Karim

- ‘Abdul ‘Azīz bin ‘Abdullah bin Bāz. Fātāwa Nūr‘Alā al-Darb. (2007). Pejabat kajian Islam.
- Abdul Rahman Bin ‘Abdul Rahman Bin ‘Ubaidillah al-Saqāf. (2005). Idām al Qūt. Dār al-Minhāj.
- Abī Zakariyā, Yaḥyā bin Syarf al-Nawawī. (2006). Al-Azkār. Dār-Ma’rifah.
- Aboe Bakar Atjeh. Tarekat Dalam Tasawwuf. (2007). Pustaka Aman Press Sdn, Bhd.
- Abū Naṣr Ismā‘īl bin Hamād al-Jauhārī al-Fārābī. (1987). al-Ṣiḥāḥ Tāj al-Lughah Wa Ṣiḥāḥ al-‘Arabiyyah. Dār ‘Ilm.
- Al-‘Attas, Ibnu Syeikh Bin Salim. (1978). Tanwīr al-Qulūb Wa al-Khawas. Sukabumi Jawa Barat.
- Al-'Ali Hussain, al-'Attas, Ta'jul a'rras. (1952). Dewan Pertimbangan Agung Republik Indonesia.
- Al-Ansori, Zakariya Bin Muhammad Bin Ahmad. (1997). Al-Ghurar al-Bahiyyah. Dār al-Kotob al-‘Ilmiah.
- Alauddin Muhammad. (2016). Al-Waraqāt Fī ‘Ilm Qirāat. Fajar Ulung.
- Al-Bukhārī, Muḥammad Bin Ismā‘īl. (2001). Al-Jāmi’ al-Musnad al-Ṣāḥiḥ al-Bukhārī. Dar Ṭāuq al-Najāh.
- Al-Ḥabīb Zaīn Ibrāhīm Sumaīt. (2005). Al-Manhaj al-Sawī Syarah Uṣūl al-Sādah al- Bā‘alawī. Dār al-‘Ilm Wa al-Da‘wah.
- Al-Ḥasanī, Syed Muhammad Alwi al-Malikī. (2008). Terjemahan Muhammad Fuad Kamaluddin. Qul Hazih Sabili (Inilah Jalanku). Yayasan Sofa.
- Bin Bazz, Abdul Aziz Bin Abdullah. (2007). fatawa Nūr‘Alā al-darb. Badan kajian ilmiah dan fatwa.
- Ibn Manzur, Muhammad Bin Makram. (1993). Lisān al Arab. Dār Ṣādir.
- Jum’ah Amīn ‘Abdul ‘Azīz. (2004). Fahmu al-Islām Fī Zilāl al-Uṣūl al-‘Isyrīn Lil Imām Hassan al-Bannā. Dār Da‘wah.
- Mohd Azman Mohsin, Md Hamzaimi Azrol Md Baharudin, Othman Napiyah, Sulaiman Shakib Mohd. Noor. (2016). Ratib Al-Attas Menurut Perspektif Al-Qur'an Dan Hadis. UTM Press.
- Mohd Azman Mohsin. (2015). Adab Dan Amalan Ratib Al-`Attas Dalam Tarekat `Alawīyah: Suatu Sorotan Ringkas. UTM Press.
- Mohd Azman Mohsin. (2017). Ratib al-Attas Dalam Tarekat Alawiyah Amalan Di Masjid Habib Hasan Johor Bahru. Universiti Teknologi Malaysia.
- Muḥammad Bin Husaīn. (2006). Ma‘ālim Uṣūl al-Fiqh ‘Inda Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā‘ah. Dār Ibn al-Jauzī.
- Muḥammad Bin Husaīn. (2006). Ma‘ālim Uṣūl al-Fiqh ‘Inda Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā‘ah. Dār Ibn al-Jauzī.
- Nāṣir bin ‘Abd al-Karīm al-‘Aql. (2014). Al-Islāmiyyat Lā Wahābiyyah. Dār Ibn al-Jauzī.
- Nur Adīla Amiruddin & Fadhlān Mohd Othman. (2016). Status Golongan Habib Sebagai Keturunan Nabi SAW. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Thoha Bin Abu Bakar Bin Yahya. (2004). Terjemahan al-Qirtas. Darul Ulum Press.
- ‘Umar Bin ‘Abdul Rahman Bin ‘Aqīl al- ‘Attas Bā‘alawī al-Ḥaḍhramī. (1996). Al-Qirtās Sharah Rātīb al- ‘Attas. Maṭba‘ah al-Madanī.
- Amalan Ratib Al-Attas Satu Pencerahan, 16 September 2017, 1:22:20, <https://www.youtube.com/watch?v=n6imcPGbGyo&t=4160s>.

<https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2020/04/672617/ratib-al-attas-jihad-rohani-hadapi-covid-19>